

17/01/2002

## Pulau Tioman dapat status bebas cukai

Wan Esuriyanti Wan Ahmad; Sariha Mohd Ali; Asrol Awang  
SERDANG, Rabu - Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, hari ini mengesahkan Pulau Tioman akan diberikan status pulau bebas cukai dalam usaha menarik pelancong dari negara jiran, terutama Singapura ke pulau itu.

"Ya...Pulau Tioman akan jadi sebuah pulau berstatus bebas cukai," katanya kepada pemberita selepas menghadiri majlis Ramah Mesra Bersama Perdana Menteri di Universiti Putra Malaysia, di sini petang ini.

Akhbar New Straits Times hari ini melaporkan Pulau Tioman akan ditukarkan status kepada pulau bebas cukai bagi menjadikan ia setanding Pulau Batam dan Bintan, Indonesia.

Kabinet minggu lalu meluluskan cadangan berkenaan. Pulau Tioman adalah pulau ketiga yang diberikan status itu selepas Labuan dan Langkawi.

Langkah itu dijangka meningkatkan kemasukan pelancong, terutama dari Singapura. Kira-kira 1.2 juta pelancong Singapura melawat Malaysia setiap bulan.

Jumlah pelancong ke Pulau Tioman pula meningkat dari 58,320 orang pada 1987 kepada 200,209 (2000).

Di KUANTAN, Menteri Besar, Datuk Seri Adnan Yaakob, berkata Kerajaan Pahang membekukan semua transaksi tanah di pulau itu, termasuk pelupusan tanah kerajaan atau pindah milik tanah persendirian kepada pihak lain.

Beliau berkata, tindakan itu dilakukan sejak 1998 ketika Lembaga Pembangunan Tioman (TDA) diwujudkan dan setakat ini tidak ada tanah kerajaan dilupuskan, walaupun ada pihak memohon melaksanakan pembangunan di situ.

Kerajaan Pahang sudah mengenal pasti keluasan tanah di Pulau Tioman yang dibahagikan kepada lapan zon kira-kira 12,000 hektar, termasuk kira-kira 1,200 hektar tanah milik persendirian dan 400 hektar daripadanya sudah dibangunkan.

Sementara itu, penduduk tempatan dan pelancong asing menyambut baik keputusan menjadikan Pulau Tioman sebagai pulau peranginan bebas cukai seperti Labuan dan Langkawi.

Seorang pelancong dari England, Christine Hardy, 45, berkata kemudahan dan perkhidmatan kepada pelancong akan lebih baik apabila Tioman menjadi pulau bebas cukai.

"Keputusan memberikan pulau ini status bebas cukai akan menarik lebih ramai pelancong kerana Tioman sememangnya indah dan cantik untuk dilawati," katanya ketika ditemui di sini hari ini.

Beliau yang pertama kali berkunjung ke Pulau Tioman menganggap percutian di pulau itu tambah menyeronokkan jika pelancong disediakan pelbagai kemudahan berkualiti dan bertaraf antarabangsa.

"Saya kagum keindahannya kerana Pulau Tioman mempunyai taman laut dan pemandangan pantai yang amat menakjubkan," katanya.

Bagi Isis Hahn, 30, dari Bombay, India, pemberian status bebas cukai pasti menggalakkan lebih banyak kegiatan bertaraf antarabangsa diadakan di pulau itu.

Seorang pelancong tempatan, Kapten (B) Anita Abdullah, 40, pula berkata Tioman mempunyai keunikan tersendiri, khususnya persekitaran alam semula jadi dan khazanah lautnya.

"Saya baru pulang dari Tioman dan sememangnya ia mempunyai banyak tarikan. Jika kerajaan meluluskannya, ia dapat meningkatkan jumlah kedatangan pelancong," katanya.

Setiausaha Persatuan Penggalakan Pelancongan Pahang (Pesta), Muhammad Sha'ani Abdullah, berkata pihaknya mengalu-alukan keputusan itu.

Bagaimanapun, beliau berharap kehadiran pelancong ke pulau berkenaan diharap dikawal kerana kawasannya tidak sebesar Langkawi.

(END)